



MAKLUM BALAS ISU BEKALAN IKAN PATIN – UTUSAN MALAYSIA DAN KOSMO

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil perhatian terhadap berita yang diterbitkan melalui akhbar Kosmo bertajuk “Bekalan patin makin kritikal” dan “Krisis kekurangan patin jejas nama baik Temerloh”. Akhbar Utusan Malaysia juga turut menyiarkan laporan berita bertajuk “Ternak patin tidak lagi menguntungkan”.
2. Pengeluaran benih patin di Pahang menyumbang kira-kira 4.06 juta ekor benih patin dari 9 hatcheri di negeri tersebut. Manakala, dianggarkan 57 juta ekor benih ikan patin ditampung oleh 23 hatcheri seluruh Malaysia. Merujuk kepada rekod Jabatan Perikanan Malaysia, Kerajaan menasaskan sebanyak **480,000 ribu tan metrik pengeluaran akuakultur seluruh negara bagi tahun 2023** dimana sebanyak **125,557.22 tan metrik adalah daripada pengeluaran ikan air tawar** seperti ikan tilapia, patin dan keli. Jumlah hatcheri dan nurseri swasta ikan patin di seluruh Malaysia adalah
3. **Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato’ Adnan bin Hussain berkata jabatan ini memandang serius terhadap isu kekurangan benih ikan air tawar khususnya patin.** Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kekurangan benih ikan patin, antaranya **keadaan cuaca** yang tidak menentu akibat Fenomena El-Nino ketika ini. Justeru, hatcheri kerajaan di Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) seperti di PPA Perlok, PPA Bukit Tinggi, PPA Tapah dan IPP Glami-Lemi berusaha sedaya upaya memenuhi permintaan bekalan benih oleh penternak di seluruh negara.
4. PPA Perlok, PPA Bukit Tinggi, PPA Tapah sedang **meningkatkan pengeluaran benih ikan patin bagi tahun 2023 sebanyak 600 ribu ekor bersaiz 1 ke 2 inci.** Pusat ini turut menawarkan **bantuan benih secara percuma kepada penternak.** Pengeluaran benih Patin akan menjadi keutamaan bagi tahun 2023 bagi memenuhi permintaan semasa.
5. Malah, Jabatan menggalakkan penyertaan nurseri pihak swasta untuk meningkatkan pengeluaran benih menggunakan teknologi ‘bioflok’ yang dapat mengeluarkan benih lebih tahan lasak, kadar hidup lebih 95% dan juga menjimatkan kos pengeluaran.

6. Bagi mengatasi kos makanan rumusan yang tinggi, Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) telah memperkenalkan **makanan rumusan bagi mencari pengganti atau sumber protein alternatif** seperti sisa lebihan dari industri sembelihan ayam dan protein dari serangga seperti *black soldier fly* (BSF) dan **memperkenalkan teknologi penghasilan makanan hidup seperti Moina sp. higienik** kepada pemain industri hatceri bagi mengurangkan kos makanan dan penghasilan rega ikan berkualiti.
7. DOF sebagai badan tunggal yang bertanggungjawab menguruskan sumber perikanan negara ada menawarkan kursus dan latihan bagi memastikan penternak yang berminat untuk mengeluarkan benih ikan air tawar seperti ikan patin, tilapia dan keli mendapat pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi. Bantuan SPeKS Akuakultur seperti makanan dan benih turut ditawarkan kepada penternak pada tahun 2023.
8. **Ketua Pengarah Perikanan menasihatkan penternak agar mengambil benih-benih yang bersaiz besar bagi mengurangkan tempoh ternakan dan risiko kematian, secara tidak langsung dapat meningkatkan hasil pengeluaran dan keuntungan.**

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my